

Kuala Selangor: Jumlah mangsa banjir di lima pusat pemindahan banjir di daerah ini berkurangan kepada 951 membabitkan 211 keluarga semalam berbanding 1,015 mangsa dengan 276 keluarga kelmarin.

Pegawai Daerah Kuala Selangor yang juga Pengerusi Bencana Daerah Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, jumlah mangsa banjir yang mencatatkan rekod tertinggi iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang juga mulai berkurangan.

Katanya, hanya tinggal 794 mangsa daripada 169 keluarga ditempatkan di SK Parit Mahang, manakala 11 keluarga membabitkan 40 mangsa banjir masih ditempatkan di Masjid Simpang Tiga Jeram.

"Pusat penempatan banjir di Kampung Bukit Cherakah merekodkan sembilan keluarga dengan 26 mangsa banjir selain 19 keluarga dengan 79 mangsa di Kampung Bukit Kuching.

"Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Hijau menempatkan tiga keluarga mangsa banjir membabitkan 12 mangsa menjadikan jumlah keseluruhan 951 mangsa banjir daripada 211 keluarga," katanya pada sidang media, di



Mangsa banjir berkurangan

sini, semalam.

Menurutnya, 85 keluarga membabitkan 163 mangsa pulang ke rumah masing-masing, semalam.

Selain itu katanya, paras air Sungai Buloh turut mencatatkan penurunan daripada

3.78 meter kepada 3.58 meter petang semalam.

Sementara itu, Pengerusi Tetap Infrastruktur Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor Zaidy Abdul Talib berkata, kerajaan ne-

geri bersama agensi terbabit bersiap sedia berdepan fenomena air pasang yang dijangka berlaku dalam tempoh 24 jam.

Beliau berkata, kerajaan negeri bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

berusaha mempercepatkan proses aliran air ke muara selain kerja mengepam air dengan segera.

"Ketika ini cuaca tidak menentu dan tak mustahil hujan lagi.

"Kerja pembersihan parit,

ZALMIAH Othman (kanan) melihat keadaan dalam rumahnya yang dipenuhi lumpur selepas banjir surut di Kampung Parit Mahang.

termasuk cucian rumpai juga dibuat supaya aliran air ke laut lancar dan berharap tidak berlaku pertembungan air pasang dan kapasiti hujan yang banyak," katanya pada sidang media sama semalam.